



LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 5 FEBRUARI 2018

- 1. RICE CROPS UNDER SIEGE**
 - NEW STRAITS TIMES

- 2. RUMPUR NAPIER KUKUH INDUSTRI TERNAKAN**
 - KOSMO

- 3. BINA APLIKASI PASAR TANI**
 - KOSMO

- 4. PASAR TANI BAKAL JADI PUSAT KHIDMAT RAKYAT**
 - SINAR HARIAN

- 5. APLIKASI PASAR TANI MUDAHKAN RAKYAT**
 - SINAR HARIAN

- 6. APLIKASI PASAR TANI DILANCAR**
 - UTUSAN MALAYSIA

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**



TAN SRI
DR ZAKRI
ABDUL
HAMID

PADI ANGIN MENACE

RICE CROPS UNDER SIEGE

Sustainable solutions needed for weedy rice management

RECENTLY, there was an uproar in the news about rice production woes faced by local farmers.

Two rice varieties, named MR220 CL1 and MR220 CL2, were introduced about seven years ago to control the menace of weedy rice or *padi angin*.

The two varieties are unique because they have genes which confer tolerance to herbicide. When sprayed on the rice crop, a special herbicide named "OnDuty" will kill the *padi angin*, but, will spare the rice plants from being affected. "OnDuty" is bundled and sold with the rice varieties in the Clearfield production system.

The emergence of weedy rice is a phenomenon essentially triggered by the recent rise of direct seeding – the uniform scattering of seeds across fields. In the past, rice farmers grew rice by transplanting – a method of weed control for wet or puddled fields. Transplanting requires less seed, but much more labour than direct seeding. Also, transplanted rice takes longer to mature due to transplanting shock.

Farmers started to practise direct seeding in early 1990s and it is now widespread in all our 10 rice granary areas – which feature major irrigation schemes (more than 4,000ha) and are recognised by the government as the country's main rice producing areas.

Due to heavy infestations, *padi angin* has now put our rice productivity under siege.

There are several hypotheses which suggest how *padi angin* originated. However, there is strong evidence to support the hypothesis that weedy rice varieties are actually progenies of hybrids formed naturally between cultivated rice and a

species of wild rice which is prevalent where rice is usually grown.

Weedy rice resembles cultivated rice. Farmers call them *padi angin* because the seeds are easily shattered by wind before or during crop harvest, and fall on to the soils. Because the seeds have a strong dormancy, they quickly build up into a potent weed seed bank in the soils, which provides the reserve of viable weed seeds from season to season.

They compete for sunlight, water and nutrients, and quickly dominate the field. They take up most of the fertilisers applied to the rice crop, and the yield loss can reach between 60 and 90 per cent, or, may even result in complete crop failure. In 2004, the production loss due to *padi angin* was estimated at RM90 million. Now, widespread infestations have drastically reduced farmers' rice yields and incomes.

Previously, farmers removed *padi angin* manually or killed them by spot spraying with herbicides. Such practices were time consuming, and are no longer practical and effective.

When Clearfield varieties were introduced, they quickly gained popularity. Farmers, who previously had yields of less than three tonnes per hectare, began enjoying harvests three times greater.

Now, those farmers are seeing an ugly side of the new technology. The same herbicide used before no longer kill *padi angin* effectively. *Padi angin* has become *kebal* or herbicide resistant and yields have plummeted back to between and three and four tonnes per ha.

The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and the multi-national Germany-based chemical company BASF developed the

Clearfield special purpose varieties. They are scientifically proven to be a good solution to weedy rice, but farmers must strictly follow a set of do's and don'ts for the system to work. For example, seven days after direct-seeding, the herbicide must be



A padi farmer at one of the padi growing areas affected by *padi angin* at Kampung Belat Batu in Guar Sanji, Arau, Perlis. FILE PIC

applied when the soil is saturated (wet but not flooded).

The varieties were recommended only as a stop-gap measure to combat weedy rice. Farmers were supposed to grow them in only two successive planting seasons in a year, leaving an interval of one planting season. Once the weedy rice is no longer a problem farmers then have the option to grow any other varieties.

Attracted by the high yields, farmers grew the Clearfield varieties more often than prescribed. And, large numbers of farmers also had easy access to uncertified seeds, planting them without using the required herbicide.

Population of weedy rice in the fields increased drastically. It became prone to cross breed with rice and evolved into hybrids. The process resulted in the transfer of the herbicide-tolerance gene, thus, turning the progenies of the hybrids into super weeds.

Padi angin is not a unique problem to Malaysia. Worldwide, weedy rice affects about 10 per

cent of total rice production.

The super weeds have emerged as another new devastating menace to our rice production. Undoubtedly, farmers' incomes, rice prices, crop yield levels, and our global food security index status will be at stake, sooner rather than later. Therefore, we urgently need to get our act together and review current approaches and come out with new strategies to achieve sustainable solutions for our weedy rice management.

In the final analysis, one thing is for sure: to be progressive, we need to support new technologies such as the Clearfield rice system and others that improve yields and help crops adapt to changing conditions. The point seems to be that the importance of using these technologies properly is as great as the importance of these technologies to our long term ability to feed a growing world population.

zakri@pmo.gov.my

The writer is science adviser to the prime minister and founding president of the Genetics Society of Malaysia (1974-2000)

The varieties were recommended only as a stop-gap measure to combat weedy rice. Farmers were supposed to grow them in only two successive planting seasons in a year, leaving an interval of one planting season.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 5 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN

VARIA

Rumput napier kukuh industri ternakan

MELALUI Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 hingga 2020, kerajaan menyasarkan pengeluaran susu segar sebanyak 118 juta liter pada tahun 2020. Pada tahun 2016, pengeluaran susu segar ialah 36,518,000 liter setahun iaitu 60.8 peratus daripada keperluan domestik susu segar negara yang dianggarkan sekitar 60 juta liter. Projek rintis pembangunan industri tenusu negara adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada susu segar dan produk tenusu yang diimport dari luar negara. Ia bagi mengimbangi dagangan negara terutamanya dalam sektor agromakanan.

Projek ini dirangka sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjamin ketersediaan sumber makanan tempatan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan makanan negara terjamin. Pemantapan industri tenusu negara akan melibatkan pengukuhan industri ternakan dan pembangunan industri makanan ternakan yang akan diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Pelaksanaan

Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawabkan melaksanakan Projek Pengeluaran Rumput Napier sebagai subprojek kepada Pembangunan Industri Tenusu Negara yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bagi mengukuhkan industri makanan ternakan, Jabatan Pertanian terlibat dalam mengenal pasti dan



KEADAAN rumput napier selepas 30 hingga 35 hari ditanam.

menyediakan tanah bagi tanaman foder iaitu rumput napier yang terletak di dalam radius 50 kilometer di kawasan lembah tenusu.

Projek ini dimulakan pada tahun 2017 dengan memfokuskan pembangunan ladang napier seluas 230 hektar setiap tahun mulai tahun 2017 sehingga tahun 2020 bagi menampung keperluan makanan ternakan.

Strategi pelaksanaan projek ini adalah mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan bagi pengeluaran rumput napier, jenis tanah yang bersesuaian dan usahawan rumput napier sama ada petani, penternak atau syarikat bagi pelaksanaan projek

pengeluaran napier.

Hal ini seterusnya membangunkan model perniagaan rantaian penanaman napier sehingga ke peringkat jualan.

Jalinan usaha sama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan Jabatan kerajaan, agensi, institusi pendidikan dan syarikat swasta dari segi penyelidikan kandungan nutrien, penghasilan produk tambah nilai berasaskan napier dan seterusnya penjualan napier.

Skop projek melibatkan pembangunan infrastruktur ladang, perolehan mekanisasi ladang, perolehan benih dan input pertanian serta pengeluaran benih napier berkualiti.

Pembangunan kawasan penanaman napier meliputi kawasan padang ragut sama ada berstatus tanah kerajaan, tanah milik sendiri, sewaan atau pajakan. Kaedah pelaksanaan projek adalah berbentuk pembayaran balik tertakluk kepada kategori peserta yang terlibat.

Perintis

Secara keseluruhannya, projek ini akan menjadi perintis kepada pengukuhan industri tenusu negara melalui pembangunan industri tanaman ternakan. Pelaksanaan tanaman rumput napier yang berkualiti akan membolehkan penternak mengurangkan kebergantungan kepada makanan ternakan yang diimport dan seterusnya mengurangkan kos makanan ternakan dan meningkatkan pengeluaran susu segar pada harga yang lebih kompetitif. Pembangunan semula industri tenusu negara adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada susu dan produk tenusu.

Ia juga secara tidak langsung diharapkan dapat menjamin elemen keselamatan dan kedaulatan makanan serta memastikan mampu diperolehi dan dibeli oleh setiap golongan masyarakat seterusnya mengurangkan jurang defisit imbalan perdagangan sektor agromakanan negara.

■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian **03-8870 3042/3050** dan faksimili **03-8888 5069** atau melayari portal Jabatan Pertanian Malaysia di www.doa.gov.my.

PROJEK perintis penanaman rumput napier seluas 20 hektar ini dijalankan di Kampung Tebat, Pekan, Pahang.



PROJEK penanaman rumput napier akan mengukuhkan industri tenusu negara melalui pembangunan industri tanaman ternakan.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 5 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN

Mudahkan pengguna mendapatkan maklumat Kosmo 5/2/18 **Bina aplikasi pasar tani**

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHAFFA

PASIR SALAK – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan melancarkan Aplikasi Mudah Alih Pasar Tani Malaysia pada Mac depan dalam usaha untuk menjenamakan semula imej pasar tani.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, aplikasi itu akan memberi maklumat kepada orang ramai mengenai lokasi pasar tani di seluruh negara.

Jelasnya, melalui aplikasi itu, pengguna boleh mengetahui pelbagai produk tempatan yang dijual di sebanyak 986 lokasi pasar tani.

“Pengguna boleh mendapatkan maklumat seperti harga semasa untuk produk yang dijual dan waktu operasinya melalui aplikasi itu.”

“Ia juga dicipta seperti aplikasi peta dan pengguna boleh memandu dengan berpandukan petunjuk untuk ke setiap lokasi pasar tani,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah, Pasar Tani



AHMAD SHABERY (tengah) melakukan gimik pada Majlis Pecah Tanah PTK Kampung Gajah, Pasir Salak semalam.

Kekal (PTK) Kampung Gajah di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman; Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tan Sri Badruddin Amiruldin dan Ahli Dewan Undangan Negeri

Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharudin.

Dalam pada itu, Badruddin berkata, FAMA akan melakukan pembaharuan dengan meletakkan trak pusat khidmat masyarakat di lokasi pasar tani di seluruh negara Mac depan.

Menurutnya, pusat khidmat masyarakat itu berkonsep seperti mini Pusat Trans-

formasi Luar Bandar di setiap pasar tani dengan memberi perkhidmatan dengan menggunakan trak.

“Ia merupakan salah satu langkah untuk mempelbagaikan peranan pasar tani,” katanya sambil menambah FAMA turut menyasarkan sebanyak 1,000 pasar tani dibuka di seluruh negara menjelang tahun 2020.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 5 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN



Badruddin (kiri), Ahmad Shabery dan Tajuddin melihat produk yang dijual di pasar tani Kampung Gajah.

Pasar tani bakal jadi pusat khidmat rakyat

PASIR SALAK - Pasar tani bakal dikembangkan fungsinya daripada tempat berurus niaga barangan pertanian kepada pusat khidmat untuk rakyat.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Tan Sri Badruddin Amiruddin berkata, pusat khidmat rakyat itu meliputi perkhidmatan kesihatan, pembayaran bil, pejabat pos, pajak gadai, pusat khidmat wakil rakyat dan pelbagai lagi.

Menurutnya, perkara itu dijangka dilaksanakan pertengahan Mac depan bagi memudahkan rakyat mendapat perkhidmatan di satu tempat.

"Kita akan mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta beberapa kementerian lain dalam usaha menyediakan perkhidmatan kepada rakyat ini melalui van atau trak bergerak.

"Rakyat bukan saja dapat membeli barangan keperluan mereka di pasar tani malahan boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan, bayaran bil dan sebagainya," katanya ketika ditemui selepas majlis pecah tanah pasar tani kekal Kampung Gajah, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan turut dihadiri Timbalannya yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abd Rahman.

Beliau berkata, dalam usaha menjenamakan semula pasar tani perkara itu harus dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pengunjung.

"Kita ada 986 pasar tani seluruh negara dan kita sasarkan seramai 1,000 pengunjung di setiap pasar tani.

"Jadi perkhidmatan ini boleh dimanfaatkan oleh rakyat sebaik mungkin," katanya.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 5 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN

Aplikasi pasar tani memudahkan rakyat



Ahmad Shabery (tengah) bersama Tajuddin menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan pasar tani kekal Kampung Gajah

PASIR SALAK- Aplikasi mudah alih pasar tani atau mobile apps yang bakal dilaksanakan dijangka akan memudahkan rakyat mendapatkan maklumat berkaitan pasar tani di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, aplikasi itu dijangka akan dilancarkan pada Mac depan setelah semua perisian lengkap sepenuhnya.

"Mobile apps ini sudah hampir siap dan kita jangka dilancarkan pada Mac depan bagi memudahkan rakyat mendapatkan maklumat pasar tani di seluruh negara.

"Di dalam aplikasi ini rakyat boleh mencari lokasi pasar tani di kawasan mereka, waktu operasi, harga semasa barangan serta boleh memberi pandangan atau komen berkaitan," katanya selepas majlis pecah tanah pasar tani kekal Kampung Gajah, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak

Datuk Sri Tajudin Abd Rahman dan Pengerusi Lembaga Pemasaran pertanian persekutuan (Fama), Tan Sri Badruddin Amiruldin.

Ahmad Shabery berkata, pasar tani juga boleh dijadikan sebagai produk pelancongan setempat.

"Kadang-kala pasar tani boleh dijadikan destinasi persinggahan bersama keluarga dan kerana itu saya bukan sekadar mahu pasar tani bersih dan tersusun tapi juga mempunyai kepelbagaian produk.

Katanya, bagi menjenamakan semula pasar tani kementeriannya juga akan mengadakan pertandingan pasar tani terbaik.

Mengandungi maklumat berkaitan 986 kawasan di seluruh negara

Aplikasi Pasar Tani dilancar

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR SALAK 4 FEB.

APLIKASI Mudah Alih Pasar Tani Malaysia yang mengandungi semua maklumat berkaitan sebanyak 986 pasar tani di seluruh negara bakal dilancarkan bulan depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, perkara itu bagi menjenamakan semula pasar tani yang selama ini hanya dilaksanakan secara tradisional di kawasan-kawasan setempat.

Menurut beliau, aplikasi itu bakal menjadi panduan kepada rakyat untuk mengetahui kedudukan dan keistimewaan sebanyak 986 pasar tani yang ada di negara ini.

"Sekarang ini pembangunan aplikasi itu sedang dalam peringkat akhir pelaksanaan dan kita jangkakan dapat dilancarkan Mac ini.

"Selain kedudukan dan keistimewaan pasar tani terlibat, aplikasi itu turut mengandungi antaranya harga semasa barangan, peta lokasi, waktu operasi, penunjuk arah, gambar pasar tani serta *ranking* mata yang diperolehi pasar tadi berkenaan hasil undian pengunjug," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis pecah tanah Pasar Tani Kekal



AHMAD SHABERY CHEEK menunggang motosikal tiga roda yang membawa buah-buahan tempatan ketika melawat pameran sempena Majlis Pecah Tanah Pasar Tani Kekal (PTK) di Kampung Gajah, Perak, semalam. Turut hadir Tajuddin Abdul Rahman (tiga dari kiri) dan Badruddin Amirudin (dua dari kiri). - BERNAMA

Kampung Gajah di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya yang juga Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tan Sri Badruddin Amirudin.

Tambah Ahmad Shabery, aplikasi tersebut turut memberi kelebihan kepada produk-produk istimewa sesebuah kawasan teru-

tamanya makanan untuk dipromosikan lebih meluas dalam menarik pelancong.

"Kalau dulu orang kaitkan mercu tanda sesebuah kawasan dengan bangunan tinggi tapi bagi saya satu daripada mercu yang perlu dibina ialah makanannya melalui pasar tani yang kita ada.

"Sudah tiba masanya pasar tani dijenamakan. Inilah kelebihan aspek tradisi yang ada di negara kita

yang boleh dilihat bukan hanya sebagai tempat berniaga untuk keperluan masyarakat tempatan tetapi menjadi sebahagian daripada produk pelancongan," katanya.

Kata Ahmad Shabery, ini kerana pasar tani turut mempamerkan kelebihan bukan sahaja dari segi kebersihan dan harga berpatutan, tapi produk istimewa yang ada di tempat berkenaan.